

## SENARAI SEMAK SURAT IKATAN AMANAH

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN	TANDAKAN
1	2 Salinan Borang 51 (J) - <b>Pengisian Borang Pen Dakwat Basah Hitam</b>	
2	2 Salinan Surat Ikatan Amanah <b>*Stamping LHDN selepas penyaksian</b>	
3	Salinan Kad Pengenalan Tuan Tanah <b>*yang jelas dan terang</b>	
4	Salinan Kad Pengenalan Benifisiari <b>*yang jelas dan terang</b>	
5	Salinan Cukai Tanah Dan Cukai Pintu. (Pengesahan Cukai Taksir Bagi Tanah Pertanian) - MDKL	
6	Salinan Sijil Lahir Benifisiari	
7	Hakmilik Asal	
8	Bayaran Pendaftaran – RM60.00	

**SCHEDULE X  
NATIONAL LAND CODE  
Selangor Land Rules 2003  
(Paragraph 51(j))  
APPLICATION FOR REGISTRATION AS TRUSTEE**

Registrar of Titles

Land Administrator.....

I/We.....

NRIC No.....of.....

\*proprietor/co-proprietors\* being person/body in whom the lease/ sub-lease/ charge under Presentation No.....dated.....of the land described in the schedule below is at present vested, hereby apply for registration as trustee/s with respect to the undivided share in the said land/ lease/ sub-lease/ charge.

2. The prescribed fee of RM.....is hereby submitted

.....  
*Signature of Applicant/s*

**SCHEDULE OF LAND\* AND INTEREST**

*Town/ Village/Mukim	*Lot/parcel /LO. NO.	Description and No. of Title	Share of Land (if any)	Registered No. of *lease/ sub-lease (if any)	Registered No. of Charge (if any)

**FOR OFFICIAL USE**

Supplement/Amendment to memorial registration made in the registrar document/s of title mentioned in the schedule, with effect from the.....hours.....minute on.....day of.....20.....

Fail No.....

Volume.....

Folio.....

Miscellaneous Presentation No.....

.....  
*Registrar of Titles/Land Administrator*



**PERISYTIHARAN SURAT IKATAN AMANAH  
(DECLARATION OF A TRUSTED DEED)**

Perisytiharan Surat Ikatan Amanah ini dibuat pada hb 2018 oleh **NOR MARIA BINTI AHMAD, NO. K/P : 012345-67-8910 (123456)** yang beralamat di No. 45, Jalan 8, Taman Kemuning, 42700 Banting, Selangor (selepas ini dirujuk sebagai “Pemegang Amanah”).

**BAHAWASANYA:-**

1. Saya **NOR MARIA BINTI AHMAD, NO. K/P : 012345-67-8910 (123456)** adalah pemilik berdaftar sekeping tanah yang dipegang di bawah **GM 491 Lot 4689 Mukim Telok Panglima Garang** Daerah Kuala Langat seluas **1.6187** hektar. (selepas ini dirujuk sebagai hartanah tersebut). Hartanah tersebut tertakluk kepada jenis kegunaan tanah “Pertanian” dan syer yang dipegang adalah **1/4** bahagian daripada keseluruhan syer seluas **1.6187** hektar.
  
2. Semua pihak-pihak yang terlibat dengan Surat Ikatan Amanah ini mengesahkan bahawa pemilik berdaftar tanah ini memohon didaftarkan sebagai Pemegang Amanah ke atas keseluruhan bahagian tersebut kepada nama seperti dalam jadual di bawah ini:-

<b>Bil</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO. K/P</b>	<b>SYER</b>
1.	AHMAD JEFFREY BIN MOHD SUMAIRI	930225-10-6393	2/16
2.	MOHD RAHIM BIN MHD ISA	770804-04-5409	1/16
3.	SAMRAN BIN OMAR	650102-10-9619	1/16

3. Oleh kerana sekatan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara 1965, yang mana tanah pertanian tidak boleh dipindahmilik jika pindahmilik tersebut memberi kesan kepada mewujudkan syer yang tidak dipecahkan kurang daripada 2/5 hektar (1 ekar) kecuali kepada satu orang sahaja, pemilik berdaftar tanah ini bersetuju memegang hartanah tersebut sebagai "Pemegang Amanah" bagi pihak:-

Bil	NAMA	NO. K/P	SYER
1.	AHMAD JEFFREY BIN MOHD SUMAIRI	930225-10-6393	2/15
2.	MOHD RAHIM BIN MHD ISA	770804-04-5409	1/16
3.	SAMRAN BIN OMAR	650102-10-9619	1/16

4. OLEH YANG DEMIKIAN, Surat Ikatan Amanah ini dibuat mengikut penyaksian bahawa Pemegang Amanah dengan MENGISYTIHARKAN dan MENGESAHKAN bahawa beliau hendaklah memegang hartanah tersebut yang didaftarkan sebagai Pemegang Amanah untuk kegunaan dan faedah:-

Bil	NAMA	NO. K/P	SYER
1.	AHMAD JEFFREY BIN MOHD SUMAIRI	930225-10-6393	2/15
2.	MOHD RAHIM BIN MHD ISA	770804-04-5409	1/16
3.	SAMRAN BIN OMAR	650102-10-9619	1/16

(Selepas ini dirujuk sebagai orang-orang yang menerima faedah (Beneficiaries) ) berdasarkan kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut:

- I. Pemegang amanah hendaklah mengambil tindakan menurut Seksyen 344(2) Kanun Tanah Negara 1965 untuk mengefekkan pendaftaran namanya sebagai pemegang Amanah.
  - II. Pemegang Amanah tidak boleh dengan apa-apa alasan sekalipun memindamilik, menjual, menggadai dan memajak hartanah tersebut tanpa suratkuasa bertulis daripada beneficiaries.
  - III. Beneficiaries hendaklah menjelaskan sejumlah wang yang dikira mengikut yang dipegangnya dalam Surat Ikatan Amanah ini sebagai cukai tahunan kepada Pemegang Amanah setiap tahun selepas Surat Ikatan Amanah ini berkuatkuasa.
  - IV. Sekiranya Pemegang Amanah meninggal dunia dan Surat Ikatan Amanah masih berkuatkuasa, beneficiaries berhak dan layak untuk memohon perintah pembahagian Harta Pusaka (Distribution Suit) supaya nama beliau disenaraikan sebagai beneficiaries, seterusnya didaftarkan dalam hakmilik hartanah tersebut.
5. Sebagai menyaksikan Surat Ikatan Amanah, Pemegang Amanah dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tarikh yang tersebut di atas.

Ditandatangani oleh )

Pemegang Amanah )

Dihadapan )

.....

**(NOR MARIA BINTI AHMAD)**

Saya.....  
..... dengan ini mengaku bahawa tandatangan di atas telah dibuat di hadapan saya  
pada.....hb..... 2018 dan mengesahkan:-

- I. Bahawa beliau adalah cukup umur,
- II. Bahawa beliau telah menyempurnakan Surat Iktan Amanah ini dengan rela hatinya sendiri dan,
- III. Bahawa beliau faham akan kandungan Surat Iktan Amanah ini dan natijahnya
- IV. Bahawa perihal tanah ke atas hakmilik No GM 491 Lot 4689 Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor adalah benar.

Disaksikan Oleh:

.....

SAMPLE